

BAHASA MELAYU

(Oleh Musyfa')

Sekarang ada banyak orang-orang Melayu “zaman kemajuan” ini sedang menggil-gila menurut-menurut menjadi pak-pak turut, menggunakan perkataan-perkataan mumkin-mungkin-mungkin-sama ada di dalam percakapan dan tulisan.

Saya sesungguhnya mengaku di sini, yang saya bukanlah seorang Melayu yang pandai dalam Bahasa Arab akan tetapi sekadar pengetahuan saya yang sememang sangat tohor sahaja. Ada pun perkataan-perkataan Arab seperti: “*Kānā*”- “*yakunu – kun – fayakunu*”-itu ertinya pada Melayu iaitu “ada” atau “jadi” dengan menurut firman Allah di dalam Quran:-“*innamā amruhu idha arāda sha’an an yaqūla lahu, kūn fayakūn.*” Agaknya bererti lebih kurang, bila mengkehendaki Allah akan barang sesuatu, berkatalah ia (Allah) bagi sesuatu itu “*kūn*” maka “ada” (atau menjadilah) ia sesuatu itu.

- (1) Telah terbaca saya di sebuah surat khabar Melayu harian yang masyhur di Singapura demikian:- “.... hal itu *mungkin* diadakan....”
- (2) Di sebuah surat khabar di utara semenanjung ini pula seorang penulisnya berkata:-“saya tidak yakin *mungkin* akan mendapat sambutan yang meriah”
- (3) Di surat khabar yang lain pula ada tersebut:- “moral lebih penting daripada pakaian-jangan bersusah payah. Masing-masing ada kebebasan, kerana pemuda-pemuda *yankee* tak *mungkin* pakaian itu tak akan berhasil kerana pemuda-pemuda *yankee* tak *mungkin* akan meninggalkan pakaian yang istimewa itu”

- (4) Seorang sahabat telah menulis sepucuk surat kepada saya baharu-baharu ini dari Tanjung Pura Negeri Langkat Sumatera (Indonesia). Di antara hal-hal yang lain ia berkata”.....saya tempoh hari semasa saya melancong di Singapura buat melawat sobat-sobat saya di saya di sana sudah azam saya bertemu dengan saudara, tapi malangnya hendak orang-orang bilang *kemungkinan* saudara sudah bertahun-tahun tidak di Singapura”. Ini tentulah susunan bahasa Melayu Indonesia yang sememang berlainan daripada susunan bahasa Melayu Singapura dan Malaya; maka tiada saya hendak menyalahkan di sini melainkan perkataan *kemungkinan* itu sahaja.

Kerana menurut kata-kata tua Melayu:-“Jika sesat di jalan, baliklah ke pangkalan” dan “sega bertanya sesat jalan”, maka saya pun bertanya kepada beberapa orang sahabat-sahabat yang saya tahu mereka itu ahli-ahli pak turut berkenaan dengan perkataan “*mungkin*” itu supaya dapat fahaman yang sebenarnya, akan tetapi hampalah sahaja pertanyaan saya itu, kerana keterangan-keterangan yang saya terima itu tidak memuaskan hati, kerana ada yang mengatakan “*mungkin*” itu ertinya “supaya” ada yang mengatakan “harus” ada yang mengatakan “nescaya” dan ada pula yang mengatakan “tetapi”. Tidakkah ini lebih lagi menyesatkan saya? Oleh yang demikian sekarang saya dengan tulus ikhlas hadapkan pertanyaan saya ini kepada tuan “Zāba” dan tuan Syeikh Abdullah Basmeh yang khasnya dan tuan-tuan pembaca yang bijaksana dan adil amnya.

Kalau-kalaulah apa yang saya terjemahkan di atas ini tadi, betul, diharapkan jangan apalah kiranya saudara-saudara saya tuan-tuan penulis yang terkhalaf itu gusar di hati masing-masing, jika saya berkata di sini mengapakah selepas (sambungan pada muka 37)